



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KEWANGAN)

Deputy Secretary General (Finance)

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Ministry of Health Malaysia

Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

Telefon : 03-88832542
Fax. : 03-8885461

Ruj. Kami: KKM-57/6/AM(C) JLD.25 (7)

Tarikh : 22 Disember 2023

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

TATACARA PELAKSANAAN PELUPUSAN DAN HAPUS KIRA ASET KERAJAAN BAGI ASET KERAJAAN YANG ROSAK DAN HILANG AKIBAT BENCANA ALAM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sepertimana pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, Jabatan Meteorologi Malaysia (Met Malaysia) telah membuat pengumuman bahawa monsun timur laut atau musim tengkujuh di negara ini dijangka bermula pada 11 November 2023 dan berterusan sehingga bulan Mac 2024. Episod hujan lebat dijangka berlaku di Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor dan barat Sarawak. Hujan lebat berterusan boleh mengakibatkan kejadian banjir.

3. Sehubungan itu, Kementerian ini menasihatkan agar Pusat Tanggungjawab (PTJ) agar bersiap sedia menghadapi musim tengkujuh serta sentiasa peka dengan maklumat, nasihat, ramalan dan amaran cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (Met Malaysia).

4. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah menyediakan **Tatacara Pelaksanaan Pelupusan Dan Hapus Kira Aset Kerajaan Bagi Aset Kerajaan Yang Rosak Dan Hilang Akibat Bencana Alam** selaras dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) melalui Arahan 20 (Semakan Semula) Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara. Tatacara tersebut disediakan sebagai rujukan Agensi Kerajaan dalam melaksanakan pelupusan dan hapus kira Aset Kerajaan yang terlibat dengan bencana alam dan berkuat melalui surat rujukan MOF.PAM.600-1/3/33 JLD.13 (2) tarikh 22 November 2022.

5. Bersama-sama ini disertakan **Tatacara Pelaksanaan Pelupusan Dan Hapus Kira Aset Kerajaan Bagi Aset Kerajaan Yang Rosak Dan Hilang Akibat Bencana Alam** seperti di lampiran untuk perhatian dan rujukan pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan. Tatacara ini hendaklah dirujuk bersekali dengan Pekeliling Perbendaharaan Tatacara Pengurusan Aset dan Stor Kerajaan dan peraturan-peraturan lain yang sedang berkuat kuasa. Oleh itu, SOP Pengurusan

Pelupusan dan Hapuskira Aset Akibat Bencana Banjir yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) seperti di portal rasmi KKM **adalah dibatalkan**.

6. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk memanjangkan surat ini kepada semua jabatan dan agensi di bawah seliaan Kementerian masing-masing untuk tindakan sewajarnya. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan pelaksanaan tatacara ini hendaklah dikemukakan kepada:

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan dan Penswastaaan
Aras 4 & 7, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya
(u.p.: Unit Pengurusan Aset dan Stor)
Tel: 03-8883 3749 / 3484 / 3461
Emel: upas_pelupusan@moh.gov.my

7. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, salam hormat.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI NORAZMAN AYOB)

s.k.:

1. YBhg. Dato' Seri KSU
2. YBhg. Datuk Dr. KPK